

PERIBAHASA

Padankan peribahasa-peribahasa di bawah dengan maksudnya yang betul.

- Berhabis-habisan kerana sesuatu tujuan.
- Tidak lupa akan kebaikan seseorang.
- Merahsiakan perbuatan jahat.
- Menjaga dengan sempurna.
- Kasih sayang yang tiada taranya.
- Universiti / Institusi pengajian tinggi.
- Bekerja.
- Pekerjaan yang lambat mendatangkan hasil yang baik.
- Bangga.
- Anak yang mengingkari dan tidak taat kepada ibu bapa.

Peribahasa	Maksud
1. Mengenang budi	
2. Seperti menatang minyak yang Penuh	
3. Bagai menjaga permata intan ketika dicanai	
4. Bergolok gadai	
5. Menara gading	
6. Anak derhaka	
7. Besar hati	
8. Mencari rezeki	
9. Lempar batu sembunyi tangan	
10. Cencaru makan petang	

Lengkapkan ayat di bawah ini dengan peribahasa yang telah dipelajari. (Sila taipkan peribahasanya.)

1. Kisah Nakhoda Manis itu diakhiri dengan _____
itu disumpah menjadi batu oleh ibunya.
2. Keluarganya sanggup _____ untuk memastikan
majlis perkahwinan anak tunggalnya itu dibuat besar-besaran.
3. Setelah berusaha gigih selama beberapa tahun di sekolah, akhirnya abang
berjaya melangkah kakinya ke _____.
4. Ayah _____ siang dan malam untuk memastikan
anak-anaknya dapat meneruskan pelajaran.
5. Ibu dan ayah berasa _____ apabila kakak
berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan itu.
6. Kita patut _____ atas segala pengorbanan yang
telah dilakukan oleh ibu bapa kita.
7. Hasni ialah anak tunggal Pak Samad. Oleh kerana itulah dia dijaga
_____.
8. Makcik Timah sayangkan semua anaknya. Dia menjaga mereka
_____.